Melalui Ali (2001, 2002), beliau telah menemukan beberapa hasil kajian terhadap evolusi Delta Sungai Pahang. Di antaranya ialah, jujukan sedimen delta, pengaruh aras laut terhadap jujukan sedimennya ketika awal Holosen serta keluasan, bentuk dan kecerunan delta berdasarkan data-data lubang gerudi dan seismos. Manakala Harun (2002), pula telah berjaya mengaitkan pembetulan lembangan-lembangan sedimen di Semenanjung Malaysia dengan aktiviti vulkanik ketika akhir Cretaceous.

Manakala berdasarkan daripada Loke (1981) dan Loke et. al (1983), suatu tinjauan graviti meliputi Semenanjung Malaysia di antara latitud 2° dan 4° telah dilaksanakan bagi tujuan penyelidikan terhadap struktur kerak. Kajian tersebut juga melibatkan penggunaan rekod data graviti dan magnet terdahulu seperti oleh Ryall (1982) dan, Agos dan Paton (1958, 1960).

Dalam tahun 2005 dan 2006, beberapa eksplorasi geofizik yang dikelolakan oleh Program Geofizik, Universiti Sains Malaysia telah dilakukan di kawasan yang sama dengan melibatkan penggunaan pelbagai kaedah tinjauan. Pelbagai kaedah geofizik terlibat, iaitu graviti, magnet, pembiasan seismik, resistiviti dan radar penembusan bumi (GPR), serta beberapa kajian berkaitan geologi. Eksplorasi geofizik ini juga melibatkan sebahagian daripada kajian graviti oleh Zaid (2005) dan Chee (2006).

Sementara itu, terdapat juga tinjauan graviti telah dilakukan melintasi kawasan Semenanjung Malaysia iaitu di antara Kuantan dan Kuala Selangor oleh Ryall (1982). Tinjauan seperti ini juga telah banyak dibincangkan oleh pengkaji terdahulu di antaranya, Arafin et .al (1986) bagi tinjauan graviti merentasi kawasan di antara Kuantan-Kelantan, serta Burley dan Jamaludin (1990), bagi tinjauan graviti di kawasan utara Semenanjung.

Perkembangan industri minyak melalui syarikat seperti PETRONAS telah menyumbang kepada pertambahan maklumat geofizikal dan geologikal berguna di Semenanjung Malaysia, sama ada di darat mahupun di laut, dan ini termasuklah dalam pengukuran anomali graviti (Rajah 1.4).



Rajah 1.4: Model anomali graviti bouguer selepas peta graviti bouguer ARK pada skala 1:500,000 (Geofizik ARK, 1999). (peta dilukis semula dan diubahsuai daripada Liew et. al., 1996)

1.6 Cadangan Penyelesaian

Kebiasaannya, maklumat-maklumat berkaitan struktur geologi sesuatu tempat boleh dianggarkan melalui data-data daripada lubang gerudi. Tetapi, kaedah ini adalah tidak mencukupi bagi menentukan keseluruhan struktur geologi yang merangkumi suatu kawasan yang amat luas. Ini kerana kosnya yang tinggi serta operasinya yang memakan masa yang panjang.

Memandangkan keadaan geografi dan cuaca serta iklim di Malaysia, purata kedalaman batu hampar adalah melebihi 30 meter (Suntharalingam, 1983). Oleh yang demikian, teknik geofizik adalah kaedah yang lebih sesuai diaplikasikan dalam menyelesaikan permasalahan ini. Melalui kaedah ini, penggunaan lubang gerudi dapat dihadkan, kos dan masa dapat dikurangkan, serta operasinya juga sesuai dilaksanakan pada sebarang keadaan di permukaan bumi. Dua kaedah digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah Graviti dan kaedah Magnet. Kedua-dua kaedah ini merupakan kaedah Medan Keupayaan yang mempunyai persamaan yang baik, iaitu sensitif terhadap sebarang perubahan yang berlaku dalam medan bumi.

Kaedah Graviti melibatkan penganalisan terhadap perubahan kecil yang berlaku dalam medan graviti yang diukur pada permukaan. Ini kerana, perubahan yang kecil (gangguan) dalam medan graviti pada lokasi yang berbeza di permukaan bumi adalah disebabkan oleh sebarang perubahan dalam penghasilan jisim dalam kerak bumi. Justeru itu, sebarang proses geologi yang melibatkan perubahan jisim akan menyebabkan perubahan dalam ketumpatan batuan, yang mana akan memberikan implikasi terhadap keamatan

graviti. Oleh sebab kontras ketumpatan dalam batuan sedimen adalah sangat rendah dalam menghasilkan anomali graviti dan pengukuran yang diambil pula adalah lebih dipengaruhi oleh tarikan jisim yang berada di dasar (terutamanya batu hampar), maka kaedah Graviti adalah yang paling sesuai. Contoh bagi penggunaan teknik ini dalam menentukan bentuk dan kedalaman sesuatu lembangan boleh diperolehi dalam West (1992).

Kaedah Magnet pula menekankan tentang perubahan kecil yang berlaku dalam medan magnet yang diukur pada permukaan. Ini kerana, perubahan yang kecil (gangguan) dalam medan magnet pada lokasi yang berbeza di permukaan bumi adalah disebabkan oleh sebarang perubahan dalam pemagnetan (pengkutuban) batuan. Kebanyakan batuan sedimen adalah hampir tidak bermagnet, tetapi batu hampar yang ditindihnya terutamanya batuan igneus biasanya agak bermagnet. Selain itu, ketidakhomogenan dalam komposisi batu hampar atau struktur pada permukaannya juga akan menyebabkan variasi dalam medan magnet. Justeru itu, kaedah ini juga sesuai digunakan.

1.7 Matlamat dan Skop Kajian

Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk memodelkan dan menjelaskan struktur geologi terutamanya batuan dasar di kawasan tinjauan melalui analisis medan keupayaan. Analisis akan dilakukan meliputi beberapa fasa sebelum ia boleh dimodel dan ditafsirkan. Analisis terhadap data yang diperolehi dan anomali yang terhasil adalah bertujuan bagi mendapatkan keputusan yang baik dan bebas dari dipengaruhi oleh sebarang kesan yang

boleh menyebabkan gangguan pada medan yang diukur. Analisis ini melibatkan aspek penurunan, pelarasan serta pelicinan data. Seterusnya, pentafsiran secara kualitatif dilakukan bagi mengesan punca dan bentuk anomali, kedudukan zon beranomali serta kesan penyingkiran hingar. Disamping itu, pemisahan di antara anomali baki bagi graviti dan magnetik juga akan dilakukan, bertujuan menganggar kedalaman jasad anomali dan mencirikan bentuk anomali tempatan.

Pentafsiran secara kuantitatif pula melibatkan penentuan dan pemetaan struktur geologi tempatan bagi kawasan yang ditinjau melalui kaedah permodelan. Pentafsiran dilakukan dengan menggunakan model 2 dimensi (2-D) bagi model-model graviti dan magnet, manakala model 3 dimensi (3-D) bagi model lubang gerudi. Ia berfungsi bagi menentukan struktur, bentuk, kedalaman, panjang, ketumpatan, serta lain-lain sifat geologi yang menghasilkan anomali, terutamanya struktur batuan dasar. Di samping itu, kewujudan dan ketebalan lapisan aluvium kuarterner yang terbentuk di sekitar kawasan tinjauan akan dipertimbangkan.

Perlu diketahui bahawa, data graviti dan magnet yang terlibat dalam kajian ini adalah berdasarkan data-data yang telah dicerap ketika eksplorasi Program Geofizik, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2005 dan 2006 di kawasan Pekan. Ini termasuklah data graviti yang digunakan oleh Chee (2006). Manakala data graviti oleh Zaid (2005) telah dicerap semula dalam kajian ini. Penggunaan data-data cerapan terdahulu dalam kajian ini diterangkan lagi dalam bab 3.

Rekod-rekod geofizikal terdahulu di kawasan tersebut juga akan digunakan sebagai idea dan kawalan bagi tujuan permodelan, terutamanya data daripada lubang gerudi. Beberapa aspek lain juga akan dipertimbangkan bagi sebarang kemungkinan yang wujud seperti kehadiran anomali graviti ganjil di lokasi kajian yang pernah dicerap oleh Loke (1981), kehadiran rejahan basalt dan pertalian di antara struktur geologi kawasan tinjauan dengan Lembangan Penyu, terutamanya berkaitan pemanjangan lembangan tersebut di daratan dan pengaruhnya terhadap aktiviti batuan dasar di kawasan tinjauan.

BAB 2 : KONSEP ASAS MEDAN KEUPAYAAN

2.1 Pendahuluan

Kaedah medan keupayaan boleh ditafsirkan sebagai suatu medan yang mana mematuhi persamaan pembezaan yang dikenali sebagai Persamaan Laplace. Gambaran medan keupayaan ini adalah merujuk kepada perihal matematik bagi kewujudan daya dari sesuatu medan tersebut. Daya graviti dan daya magnet dikenali sebagai daya konservatif. Daya ini boleh dihuraikan secara matematik iaitu dengan menggunakan suatu skala mudah yang dikenali sebagai keupayaan. Medan graviti dan medan magnetik merupakan vektor bagi suatu medan keupayaan. Kebanyakan eksplorasi bagi tinjauan graviti adalah melibatkan pentafsiran terhadap komponen menegak pada medan graviti, manakala tinjauan magnet pula melibatkan penghuraian terhadap jumlah skala keamatan bagi medan magnet. Kedua-dua kaedah medan keupayaan ini merupakan kaedah yang tidak membinasakan dan ia lebih kepada suatu teknik penderiaan jauh yang sememangnya ekonomik. Kaedah ini biasanya digunakan untuk mendapatkan maklumat dan memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap geologi sub-permukaan bumi terutamanya dalam eksplorasi minyak dan gas, pengenapan mineral serta pencirian batuan dasar.

2.2 Perhubungan di antara Kaedah Graviti dan Magnet

Persamaan dan perbezaan bagi kedua-dua kaedah keupayaan ini bergantung kepada bagaimana ia dicirikan (Jadual 2.1). Pada asasnya, parameter ukuran, sifat dan kesesuaian tapak bagi tinjauan menunjukkan perbezaan bagi kedua-dua kaedah geofizik ini.

Jadual 2.1: Perhubungan di antara kaedah graviti dan magnet (diubahsuai daripada Neil Anderson dan Ahmad Ismail, 2005)

	Graviti	Magnet
Parameter Ukuran	Variasi ruang dalam kekuatan medan graviti bumi	Variasi ruang dalam kekuatan medan geomagnet bumi
Perihal Fizikal	Isipadu ketumpatan	Kerentanan magnetik dan pemagnetan baki
Perihal Fizikal Model (Aplikasi Geoteknikal)	Model menunjukkan variasi ruang dalam ketumpatan sub-permukaan	Model menunjukkan variasi ruang dalam kerentanan magnetik sub-permukaan
Jenis Permodelan Lapangan (Aplikasi Geoteknikal)	Profil geologi atau peta (lokasi ruang kosong, variasi kedalaman batu hampar, dan sebagainya)	Profil geologi atau peta (lokasi sesar, variasi kedalaman batu hampar dan sebagainya).
Resolusi Ruang dan Definisi Sasaran	<i>rendah - sederhana</i> . Resolusi ruang dan definisi sasaran adalah berfungsi bagi kebanyakan alatan canggih dan perisian songsangan, pensampelan ruang ketibaan, magnitud hingar, sasaran kedalaman, kontras ketumpatan dan permodelan secara luaran. Data biasanya ditafsirkan secara kuantitatif.	<i>rendah - tinggi</i> . Resolusi ruang dan definisi sasaran adalah berfungsi bagi kebanyakan alatan canggih dan mod pemplotan, pensampelan ruang ketibaan, magnitud hingar, sasaran kedalaman dan kerentanan magnetik, kontras kerentanan magnetik dan permodelan secara luaran. Data biasanya ditafsirkan secara kualitatif.
Keadaan Lapangan (Kelebihan)	Mengesan ruang kosong terisi udara yang bersaiz sederhana hingga besar dalam sub-permukaan dengan baik. Peralatan tidak perlu disentuh pada permukaan.	Mengesan ferromagnetik dan bahan-bahan berferromagnetik dalam sub-permukaan dengan baik. Pengumpulan data, pemprosesan dan pentafsiran secara relatifnya berulang dan tidak mahal. Peralatan tidak perlu disentuh pada permukaan.
Keadaan Lapangan (Kelemahan)	Pengumpulan data dan pemprosesan agak perlahan dan mahal. Umumnya, rendah hingga sederhana dalam memberikan resolusi ruang dan definisi sasaran. Dipengaruhi ketidakseragaman permukaan dan topografi sub-permukaan serta keheterogenan sub-permukaan boleh melenyapkan tanda-tanda kewujudan sasaran.	Pentafsiran biasanya lebih berbentuk kualitatif berbanding secara kuantitatif. Umumnya, memberikan resolusi ruang dan definisi sasaran yang rendah. Tidak sesuai bagi mengesan ruang kosong yang terisi udara.

Walau bagaimanapun, ia menunjukkan persamaan yang baik dalam aplikasi geoteknikal, penghuraian berkenaan resolusi ruang dan pentafsiran bagi sesuatu sasaran. Data yang diperoleh melalui kedua-dua kaedah ini adalah serupa iaitu menghasilkan keputusan yang merupakan anomali yang terdiri dari frekuensi dan amplitud atau keamatan. Penggunaan dan faedah dari kedua-dua kaedah ini walau bagaimanapun sangat bergantung kepada prominan yang relatif terhadap kontras sifat fizikal yang terlibat dalam pelbagai situasi geologi (Sharma, 1986).

2.3 Tinjauan Graviti

2.3.1 Pendahuluan

Penyelidikan berkenaan kejadian graviti telah bermula sejak kurun ke-17 oleh Johannes Kepler dan Galileo. Mereka telah menerangkan tentang pergerakan planet dan jatuhan jasad dengan pecutan halaju yang seragam. Dalam setengah kurun kemudian, Sir Issac Newton (1643 – 1727) meneruskan penyelidikan dan menghasilkan 'Hukum Kegravitian Semesta' yang mana digunakan sehingga kini. Kepelbagaian geologi memberikan kesan terhadap medan graviti bumi. Kesan ini boleh diketahui melalui keputusan anomali graviti. Anomali ini boleh diperoleh dengan melakukan sedikit pelarasan dan perbandingan di antara nilai graviti yang diukur dengan nilai graviti normal tertentu berdasarkan keserataan dan putaran bumi. Dengan kata lain, perkataan anomali adalah merujuk kepada sesuatu perubahan daripada normal dan ia memberikan idea tentang struktur bagi bumi.

Sebarang perubahan lateral dalam penghasilan jisim di dalam kerak bumi boleh menyebabkan perubahan kecil atau gangguan dalam medan graviti bumi dari suatu titik ke titik yang lain pada permukaan bumi. Kaedah graviti adalah berdasarkan pada pengukuran terhadap kepelbagaian kecil dalam medan graviti pada permukaan (Nettleton, 1976). Oleh itu, sekiranya sesuatu pergerakan melibatkan perubahan ketumpatan batuan, maka ia akan memberikan keputusan yang tidak seragam dalam penghasilan jisim dan seterusnya menyebabkan kewujudan variasi dalam keamatan graviti. Variasi bagi ketumpatan sesuatu batuan adalah dipengaruhi oleh komposisi dan keporosan batuan tersebut. Oleh sebab variasi dalam graviti adalah agak kecil jika dibandingkan dengan nilai graviti mutlak bumi, maka suatu alat yang sensitif digunakan bagi mengukur nilai relatif bagi graviti dan ia dikenali sebagai graviti meter.

2.3.2 Teori Graviti

Tarikan di antara kesemua jisim merupakan satu daya asas yang semula jadi. Daya tarikan ini dikenali sebagai daya graviti. Berdasarkan Hukum Newton bagi graviti, daya graviti di antara sebarang dua titik jisim adalah diberikan oleh

$$F = \frac{GM_1M_2}{r^2}$$


di mana, G adalah $6.673 \times 10^{-11} \text{ m}^3\text{kg}^{-1}\text{s}^{-2}$ (pemalar Kegravitian Semesta), M_1 dan M_2 merupakan dua jisim dalam kilogram (kg), dan r adalah jarak di antara dua jisim titik dalam meter (m). Daya ini bertindak dalam arah yang menghubungkan kedua-dua jisim tersebut. Maka, pecutan (g) bagi jisim M_1 diberikan oleh

$$g = \frac{F}{M_1} = \frac{GM_2}{r^2} \text{ ms}^{-2}$$

Jisim M merupakan objek yang terdiri daripada hasil darab isi padu (V) dengan ketumpatan bagi objek tersebut. Dalam pengukuran nilai graviti bumi, terdapat dua perkara penting berkenaan keupayaan dan tarikan graviti yang harus difahami, iaitu medan graviti dan kesan graviti. Medan graviti mempunyai satu arah dan ia merupakan suatu sistem rujukan berorientasi. Oleh kerana jasad anomali bertindak dalam pelbagai arah terhadap komponen menegaknya, maka alat pengukuran yang telah dilaras dalam medan graviti hanya boleh bertindakbalas terhadap komponen medan terganggu iaitu dalam arah komponen menegak. Komponen menegak ini dikenali sebagai kesan graviti, iaitu perubahan dalam keamatan medan graviti yang disebabkan oleh jisim tempatan. Justeru itu, faktor yang penting dalam pengukuran graviti ialah komponen tarikan graviti menegak g_z dan ini diberikan oleh persamaan berikut

$$g_z = G \int_M \frac{dM}{r^2} \cos\phi = G \int_V \frac{\rho}{r^2} \cos\phi dV$$

di mana dM ialah jisim unsur isipadu berketumpatan ρ , dengan jarak r dari titik P (Rajah 2.1). Maka, pengukuran terhadap kepelbagaian lokasi bagi tarikan graviti bumi ini boleh menyumbang maklumat yang berguna tentang geologi sub-permukaan.



Rajah 2.1: Tarikan graviti g dan komponen menegak g_z pada titik P oleh jisim M

Model ini adalah munasabah terhadap bumi. Pada asasnya bumi adalah berbentuk sfera, dengan sedikit keserataan (0.335%) di kutub, serta mempunyai jejari purata 6368 km dan jisim purata 5.98×10^{24} kg. Dengan memasukkan nilai ini pada persamaan pecutan, maka nilai purata bagi pecutan graviti yang diperoleh adalah sekitar 9.78 ms^{-2} , pada permukaan bumi. Nilai ini menurun di khatulistiwa iaitu kira-kira 9.78 ms^{-2} dan meningkat di kutub iaitu sekitar 9.83 ms^{-2} . Ini berdasarkan nilai jejari bumi pada kedua-dua tempat tersebut, di mana jarak purata bumi adalah lebih jauh di khatulistiwa berbanding di kutub.

Unit pecutan yang digunakan bagi pengukuran graviti adalah unit graviti (g.u). Penggunaan pelbagai unit pengukuran bagi mengukur graviti adalah amat meluas, tetapi unit galileo (Gal) merupakan unit yang biasa digunakan, di mana

$$1 \text{ Gal} = 1 \text{ cms}^2 = 1,000 \text{ milligal}, \text{ dan } 1 \text{ mGal} = 10 \text{ unit graviti}$$

2.3.3 Variasi Ketumpatan bagi Batuan dan Mineral

Perhubungan yang mudah boleh digunakan bagi menganggarkan variasi dalam ketumpatan batuan dan mineral bumi berdasarkan perubahan geologi tempatannya. Walau bagaimanapun, nilai ketumpatan (purata) sebenar lebih sesuai digunakan kerana ia berupaya menghapuskan kesan tarikan yang disebabkan oleh ciri-ciri yang terdapat di permukaan bumi. Komposisi dan keporosan merupakan faktor utama yang mengawal variasi dalam ketumpatan batuan dan mineral. Dominannya bagi batuan metamorf dan igneus, ketumpatan meningkat dengan kedalaman iaitu berdasarkan proses pepadatan, manakala keberkesanan penyimenan mengawal ketumpatan bagi

batuan sedimen. Ketumpatan batuan dan mineral tersingkap di kawasan kajian ini boleh dianggarkan dengan membuat pengukuran di makmal. Umumnya, ketumpatan bagi pelbagai batuan dan mineral bumi ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

Diketahui bahawa variasi relatif bagi ketumpatan adalah agak kecil, iaitu sekitar 0.8 gcm^{-3} serta terdapat beberapa pertindihan nilai ukuran ketumpatan bagi sesetengah batuan. Keadaan ini wujud disebabkan pengukuran makmal menghadapi beberapa masalah pada sampel, di mana sampel yang diukur mungkin sudah mengalami proses luluhawa serta kedudukannya yang pada aras yang berbeza dari permukaan ketika ia diambil. Maka ia memungkinkan bahawa nilai ketumpatan yang diperoleh tidak mewakili ketumpatan keseluruhan batuan kawasan yang dikaji.

Perbezaan yang kecil dalam variasi ketumpatan batuan ini menggambarkan bahawa, pecutan graviti menjadi sangat kecil dan sukar untuk dikesan. Justeru itu, pengetahuan tentang ketumpatan sahaja tidak memadai bagi menentukan jenis sesuatu batuan. Umumnya, unit ukuran bagi menentukan ketumpatan adalah tan per meter padu (tm^{-3}), atau boleh dipermudahkan sebagai gram per sentimeter padu (gcm^{-3}). Nilai ini bersetuju dengan unit SI, iaitu kilogram per meter padu (kgm^{-3}). Penggunaan unit ini sangat berguna dalam menghubungkan di antara isipadu dan jisim dengan lebih jelas. Ketumpatan bagi kebanyakan batuan dan mineral di Malaysia adalah seperti dalam lampiran E.

Jadual 2.2: Ketumpatan bagi kebanyakan batuan dan mineral (diubahsuai daripada Seigel, 2005)

Batuan / Mineral	Julat gcm ⁻³	Purata gcm ⁻³	Batuan / Mineral	Julat gcm ⁻³	Purata gcm ⁻³
Sedimen (basah)					
Overburden		1.92	Ilmenit	4.30 - 5.00	4.67
Tanah	1.20 - 2.40	1.92	Pirolusit	4.70 - 5.00	4.82
Clay	1.63 - 2.60	2.21	Magnetit	4.90 - 5.20	5.12
Kelikir	1.70 - 2.40	2	Franklinit	5.00 - 5.22	5.12
Pasir	1.70 - 2.30	2	Hematit	4.90 - 5.30	5.18
Batu Pasir	1.61 - 2.76	2.35	Kuprit	5.70 - 6.15	5.92
Syal	1.77 - 3.20	2.4	Kasiterit	6.80 - 7.10	6.92
Batu Kapur	1.93 - 2.90	2.55	Wolframit	7.10 - 7.50	7.32
Dolomit	2.28 - 2.90	2.7			
Batuan Sedimen (purata)		2.5	Sulfida, Arsenik		
			Sfalerit	3.50 - 4.00	3.75
			Malachit	3.90 - 4.03	4.00
Batuan Igneus					
Rhyolit	2.35 - 2.70	2.52	Chalcopirit	4.10 - 4.30	4.20
Andesit	2.40 - 2.80	2.61	Stannit	4.30 - 4.52	4.40
Granit	2.50 - 2.81	2.64	Stibnit	4.50 - 4.60	4.60
Granodiorit	2.67 - 2.79	2.73	Pirotit	4.50 - 4.80	4.65
Porfiri	2.60 - 2.89	2.74	Molibdenit	4.40 - 4.80	4.70
Kuarzadiorit	2.62 - 2.96	2.79	Marcasit	4.70 - 4.90	4.85
Diorit	2.72 - 2.99	2.85	Pirit	4.90 - 5.20	5.00
Lava	2.80 - 3.00	2.9	Bornit	4.90 - 5.40	5.10
Diabas	2.50 - 3.20	2.91	Chalcocit	5.50 - 5.80	5.65
Basalt	2.70 - 3.30	2.99	Kobalt	5.80 - 6.30	6.10
Gabbro	2.70 - 3.50	3.03	Arsenopirit	5.90 - 6.20	6.10
Peridotit	2.78 - 3.37	3.15	Bismuththinit	6.50 - 6.70	6.57
Igneus (berasid)	2.30 - 3.11	2.61	Galena	7.40 - 7.60	7.50
Igneus (umum)	2.09 - 3.17	2.79	Cinnabar	8.00 - 8.20	8.10
Batuan Metamorf					
Kuarzit	2.50 - 2.70	2.6	Mineral bukan Metalik		
Syis	2.39 - 2.90	2.64	Petroleum	0.60 - 0.90	
Graywack	2.60 - 2.70	2.65	Ais	0.88 - 0.92	
Marmar	2.60 - 2.90	2.75	Air Laut	1.01 - 1.05	
Serpentin	2.40 - 3.10	2.78	Lignit	1.10 - 1.25	1.19
Slat	2.70 - 2.90	2.79	Arang Batu (lembut)	1.20 - 1.50	1.32
Gneis	2.59 - 3.00	2.8	Anthracit	1.34 - 1.80	1.50
Amfibolit	2.90 - 3.04	2.96	Kapur	1.53 - 2.60	2.01
Eclogit	3.20 - 3.54	3.37	Grafit	1.90 - 2.30	2.15
Metamorfik	2.40 - 3.10	2.74	Garam Batu	2.10 - 2.60	2.22
			Gypsum	2.20 - 2.60	2.35
			Kaolinit	2.20 - 2.63	2.53
Mineral Metalik					
Oksida, Karbonat					
Bauksit	2.30 - 2.55	2.45	Orthoclas	2.50 - 2.60	
Limonit	3.50 - 4.00	3.78	Kuarza	2.50 - 2.70	2.65
Siderit	3.70 - 3.90	3.83	Kalsit	2.60 - 2.70	
Rutil	4.18 - 4.30	4.25	Anhidrit	2.29 - 3.00	2.93
Mangan	4.20 - 4.40	4.32	Biotit	2.70 - 3.20	2.92
Kromit	4.30 - 4.60	4.36	Magnesit	2.90 - 3.12	3.03
			Fluorit	3.01 - 3.25	3.14
			Barit	4.30 - 4.70	4.47

2.4 Tinjauan Magnet

2.4.1 Pendahuluan

Pada tahun 1600, Sir William Gilbert telah menerbitkan karya saintifik pertama yang berkaitan tentang medan magnet bumi bertajuk *De Magnete* dan beliau menjelaskan bahawa medan magnet bumi mempunyai orientasi tertentu pada setiap titik di atas muka bumi. Ketika pertengahan abad ke-19, Karl Frederick Gauss telah bersetuju dengan penemuan oleh Sir William Gilbert dan membuktikan bahawa pengukuran magnet pada permukaan bumi bukanlah disebabkan oleh sumber dari luar bumi tetapi lebih kepada sumber di dalamnya. Dalam tahun 1870, Thalen telah berjaya mencipta sebuah alat yang dapat mengukur daya mengufuk, daya menegak dan sudut deklinasi magnet yang dikenali sebagai Magnetometer. Magnetometer yang digunakan sehingga kini merupakan magnetometer telah mengalami pembaikan dan pengubahsuaian selaras dengan perkembangan ilmu sains.

Secara umumnya, penggunaan kaedah ini dalam prospek geofizik biasanya digunakan sebagai perbandingan atau kaedah gandingan dengan kaedah graviti. Kaedah ini adalah berdasarkan pengukuran terhadap perubahan kecil pada medan magnet yang disebabkan oleh sebarang perubahan dalam batuan bermagnet dan ketidakhomogenan pada batuan dasar sama ada di permukaan atau dalam komposisinya. Tujuan utama tinjauan magnet adalah untuk mengesan batuan atau mineral yang mengandungi bahan-bahan bermagnet, yang mana kewujudannya menyebabkan gangguan atau anomali pada keamatan medan magnet bumi (Grant dan West, 1965). Biasanya, penentuan kedalaman batuan dasar dan

ketebalan sedimen yang wujud merupakan keputusan yang penting. Kebanyakan batuan sedimen adalah tidak bersifat magnet, tetapi di bawahnya iaitu batuan igneus atau batuan dasar biasanya lebih bersifat magnet (Nettleton, 1976). Dalam eksplorasi geofizik, kaedah magnet ini merupakan kaedah yang terawal digunakan berbanding dengan kaedah geofizik yang lain. Kaedah ini adalah antara kaedah yang mudah dilakukan dengan kos pelaksanaannya yang murah. Justeru itu, sehingga kini ia masih lagi merupakan kaedah geofizik yang sering digunakan. Walau bagaimanapun, ia juga mempunyai kelemahan iaitu kurang keunikan dalam pentafsiran ukurannya sama seperti kaedah graviti.

2.4.2 Teori Magnet

Sebarang perbincangan berkenaan magnetisme adalah kompleks kerana notasi fizikal bagi medan magnetik yang tidak piawai. Walau bagaimanapun, dengan adanya 'sistem cgs' maka daya di antara kutub berdasarkan Hukum Coulomb digunakan untuk menerangkan konsep asas dalam medan magnet. Coulomb menjelaskan bahawa daya di antara dua kutub adalah berkadar songsang terhadap kuasa dua jarak, manakala daya yang bertindak di antara kutub tersebut mempunyai kekuatan kutub P_1 dan P_2 serta dipisahkan oleh jarak r iaitu

$$F_m \propto \frac{P_1 P_2}{r^2} \quad \text{atau} \quad F_m = \frac{1}{\mu} \frac{P_1 P_2}{r^2}$$

di mana, μ adalah keterlapan magnet dan setiap kutub memiliki kekuatan dalam unit ampere meter (Amp-m). Dalam kes ini, kutub dirujuk sebagai unit kutub. Kekuatan medan magnet, H diungkapkan sebagai daya per unit kekuatan kutub yang dihasilkan oleh kutub magnet, P_1 . Maka, H adalah lebih